

86

SOALAN NO: 40

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : KHAMIS, 10 OGOS 2017

RUJUKAN : L6 [PR-1352-L01975]

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci cadangan projek melebarkan jejambat Jalan Sungai Besi/Jalan Yew dari Bulatan Jalan Sungai Besi/Jalan Loke Yew ke Bulatan Kampung Pandan, anggaran kos projek, tarikh memulakan kerja dan apakah manfaatnya kepada pengguna jalan serta peniaga-peniaga dan penduduk-penduduk di Jalan Yew.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, cadangan projek melebarkan jejambat Jalan Sungai Besi/Jalan Yew dari Bulatan Jalan Sungai Besi/Jalan Loke Yew ke Bulatan Kampung Pandan adalah bertujuan untuk meningkatkan kapasiti jalan sedia ada dari 2 lorong sehala kepada 3 lorong sehala.

Dengan siapnya projek ini, keadaan lalu lintas di Jalan Tun Razak dijangka akan lebih lancar terutama aliran keluar waktu puncak petang yang pada masa ini mengalami kesesakan melampau (*severe congestion*). Sistem penyuraian lalu lintas di koridor ini telah mengalami ketepuan (*saturated*) dan satu-satunya kaedah penyuraian terbaik adalah dengan menambah kapasiti rangkaian jalanraya.

Kos projek dianggarkan RM90 juta dan akan dimulakan pelaksanaannya pada hujung suku ketiga tahun ini iaitu bulan September. Pada umumnya, manfaat yang akan diterima oleh pengguna jalanraya adalah dapat mengurangkan kos perjalanan, penjimatan masa perjalanan dan pemanduan yang selamat dan selesa. Apabila keadaan lalu lintas bertambah lancar, dijangkakan aktiviti ekonomi kawasan sekitar juga akan meningkat termasuk kawasan Pasar Pudu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras juga, perolehan projek ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan di mana harga kos projek ini masih belum dimuktamadkan. Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensinya DBKL bertindak sebagai pengawas projek sahaja.